



**PENDEKATAN KERJA SOSIAL KOMUNITI SEBAGAI MEKANISME PENDAYAUPAYAAN
KOMUNITI NELAYAN**

(Community Social Work Approach as a Mechanism of Fishing Community Empowerment)

Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok^{1*}, Mohd Syaiful Nizam Abu Hassan¹, Adi Syahid Mohd Ali²,
Nurzaimah Asala³

¹Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300, Kuala Terengganu, Malaysia

²Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, 86400 Parit Raja, Malaysia

³Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Malaysia

*Corresponding Author Email: tuanmuhammadzukri@unisza.edu.my

Received: 29 September 2022 • Accepted: 20 October 2022 • Published: 31 October 2022

Abstract

This article discusses on the approach of the social work community in improving the empowerment of the fisherman community. The community empowerment is a community development process that is significant to the fisherman community to ensure their perfect survival, without expecting any favor from the outsiders. The fisherman community is one of the communities that is often being highlighted by all parties during the process of community empowerment. Even though until now, there are still issues and problems that have a negative impact on the fisherman community including the problem of the member participation and the ability to be independent, which will have an impact for the long-term duration in the community. The community social work approaches to implement the empowerment to be holistic and effective for the fisherman community. Throughout the process of this approach which will be applied will have a positive impact to the fisherman community. The community will be directly involved in determining the development in their community, and they are not only considered "beneficiaries" as well actively role as "developers" in developing their own communities.

Keywords: *Fishing Communities, issue and problem, community empowerment, community social work*

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang pendekatan kerja sosial komuniti dalam meningkatkan pendayaupayaan komuniti nelayan. Pendayaupayaan komuniti adalah proses pembangunan komuniti yang cukup penting kepada komuniti nelayan bagi menjamin kelangsungan hidup mereka secara sempurna, tanpa mengharapkan bantuan daripada pihak luar komuniti. Komuniti nelayan merupakan antara komuniti yang sering menjadi perhatian oleh semua pihak dalam proses pendayaupayaan komuniti. Namun sehingga kini, masih terdapat isu dan permasalahan yang memberi impak yang negatif kepada komuniti nelayan termasuklah permasalahan penyertaan ahli komuniti dan keupayaan untuk berdikari dengan sendiri hingga mampu memberi kesan dalam jangka masa panjang. Pendekatan kerja sosial komuniti merupakan satu pendekatan bagi melaksanakan pendayaupayaan komuniti nelayan secara holistik dan berkesan. Menerusi proses kerja sosial komuniti yang diaplikasikan akan memberi kesan yang baik ke atas komuniti nelayan. Komuniti nelayan akan terlibat secara langsung dalam menentukan pembangunan dalam komuniti mereka, dan mereka bukan hanya dianggap sekadar “penerima” tetapi turut berperanan secara aktif sebagai “pembangun” dalam membangunkan komuniti mereka sendiri.

Kata kunci: *komuniti nelayan; isu dan permasalahan; pendayaupayaan komuniti; kerja sosial komuniti*

Cite as: Tuan Sembok, T.M.Z., Abu Hassan, M.S.N., Mohd Ali, A.S., Aslal, N. (2022). Community Social Work Approach as a Mechanism of Fishing Community Empowerment. *Asian People Journal*, 5(2), 151-160.

PENGENALAN

Kerja sosial merupakan salah satu disiplin profesion perbantuan sama ada kepada individu, kumpulan dan juga komuniti. Ia merupakan satu aktiviti yang terlatih dalam membantu individu, kumpulan serta komuniti bagi membangunkan kapasiti mereka sehingga mampu untuk berfungsi dalam menyelesaikan permasalahan dan isu bagi mencapai matlamat mereka (Zastrow, 2017; Ezarina, 2006). Kerja sosial akan melalui proses membantu (intervensi) dalam meningkatkan kefungsi sosial manusia agar mampu untuk berinteraksi dan mengadakan hubungan dengan pihak lain (Hall, 2022; Farley, 2009). Usaha kerja sosial yang merupakan satu bidang profesion yang profesional akan dikendalikan oleh mereka yang terlatih dalam bidang kerja sosial yang dikenali sebagai pekerja sosial. Pekerja sosial memainkan peranan yang penting bukan hanya secara individu dan kumpulan yang bersifat klinikal tetapi turut melibatkan dalam membangunkan komuniti yang bersifat lokaliti atau fungsional.

Lynch, Forde & Lathouras (2020) menyatakan kerja sosial adalah profesion yang membantu individu memenuhi keperluan dalam persekitaran agar individu berkenaan mampu bertindak balas dengan persekitaran tersebut. Persekitaran yang dimaksudkan adalah merujuk kepada persekitaran keluarga, rakan dan komuniti. Mereka turut menyatakan tiga aktiviti utama kerja sosial. Pertama, aktiviti pemulihan bagi mengurangkan dan

menyelesaikan masalah yang berpunca daripada seseorang individu dan persekitarannya. Kedua, menghubungkan individu dan masyarakat dengan sumber-sumber persekitarannya. Ketiga, mencegah daripada berlakunya kepincangan hubungan antara individu dengan persekitaran dan memperkukuhkan potensi yang dimiliki individu bagi mengelak daripada berlakunya ketidakfungsian sosial.

Komuniti adalah merujuk kepada individu-individu dalam komuniti yang mempunyai perasaan, minat bersama dan melaksanakan tindakan secara bersama dalam membangunkan komuniti melalui perhubungan bagi kepentingan bersama (Bryant & Williams, 2020). Komuniti melibatkan penempatan, kejiranan yang mempunyai sempadan geografi dan interaksi (Popenoe, 1980). Komuniti juga melibatkan individu dalam melaksanakan sesuatu secara bersama dan tidak secara terpisah dan bersendirian (Day, 2006).

Komuniti nelayan di Malaysia terutamanya di pantai timur adalah merupakan salah satu sumber pekerjaan yang diperolehi secara warisan daripada nenek moyang mereka secara turun temurun kepada generasi yang seterusnya (Syed Husin, 1979). Komuniti nelayan merupakan komuniti yang bersifat lokaliti setempat dengan hampir keseluruhan komuniti nelayan adalah mereka yang tinggal berhampiran dengan sumber air (laut atau sungai). Menurut Abu Kassim et al. (2007) bahawa komuniti nelayan secara umumnya berada di kawasan luar bandar, dan komuniti ini telah mendapat perhatian dari pihak kerajaan bagi memastikan mereka tidak terpicir dari pembangunan arus perdana. Komuniti luar bandar atau desa yang merupakan sebuah komuniti yang terpinggir dari arus pembangunan telah memberi impak kepada peluang yang terhad termasuklah termasuklah dalam konteks ekonomi. Komuniti yang bersifat lokaliti seperti komuniti nelayan turut menjadi tumpuan pekerja sosial dalam menyalurkan bantuan dalam pembangunan komuniti ini.

Pihak kerajaan menerusi program serta polisi yang dirangka terhadap komuniti nelayan, sedikit sebanyak mengubah taraf hidup komuniti nelayan di Malaysia. Namun perubahan yang dilakukan masih tidak menyeluruh kerana masih ada komuniti nelayan sehingga kini dibelenggu pelbagai permasalahan seperti sumber pendapatan yang diperolehi amat terhad. Di dalam komuniti nelayan masih terdapat permasalahan seperti kemiskinan, terpinggir, kekangan persekitaran fizikal serta tahap kualiti sumber manusia nelayan itu sendiri (Norhayati, 2011; Wan Mohd Zaifirun et al., 2009; Noviarti et al., 2011). Ini memperlihatkan unsur pendayaupayaan dalam komuniti nelayan yang merupakan subjek penting dalam menggerakkan masih belum berlaku secara sepenuhnya, dan usaha pekerja sosial dalam menggerakkan komuniti menerusi elemen pendayaupayaan komuniti perlu diberi penekanan.

Pendayaupayaan Komuniti

Pendayaupayaan adalah bersifat pragmatik iaitu berasaskan pendekatan keikutsertaan, dan ini merupakan teras dalam rangka kerja bidang kerja sosial (Peeters, 2012). Pendayaupayaan merupakan satu usaha perubahan komuniti yang dilakukan oleh ahli komuniti mereka sendiri dan bukan hanya sekadar berperanan sebagai golongan penerima semata-mata (Azizi, 2019; Tremblay & Gutberlet, 2010). Antara elemen dalam pendayaupayaan komuniti termasuklah penyertaan ahli komuniti secara aktif (Tremblay & Gutberlet., 2010; Fawcett et al., 2010; Azizan, 2005; 2013; Lyndon, 2011) dan kemampuan untuk berdikari (Fawcett et al., 2010; Lyndon, 2011; Azizan, 2013).

Isu tentang penyertaan, berdikari merupakan antara elemen yang penting dalam pendayaupayaan komuniti (O'Connor & Ketola, 2018). Melalui proses pendayaupayaan, komuniti akan menyedari secara kritikal kedudukan mereka di dalam struktur sosial dan persekitaran (Azizan, 2013). Beliau menambah lagi, kesedaran kritikal adalah kesedaran yang mendalam, yang menghubungkan kehidupan ahli komuniti dengan struktur dan sistem sosial serta persekitaran yang mampu mempengaruhi komuniti. Oleh itu, tahap pendayaupayaan dalam kalangan komuniti

perlu diambil perhatian oleh semua pihak, dalam memastikan komuniti nelayan tidak terus menerus dilingkari permasalahan dalam kehidupan mereka terutamanya dalam pembangunan ekonomi keluarga.

Pendayaupayaan melibatkan kebolehan individu atau kumpulan untuk mengakses serta mengawal sumber dan kuasa yang ada (Amrutkhar, 2012). Ini berdasarkan bahawa komuniti memerlukan kapasiti untuk mengakses sumber-sumber agar komuniti berpeluang untuk melibatkan diri dalam komuniti (Ilavarasan, 2013). Kuasa dalam konsep pendayaupayaan komuniti melalui kawalan yang diberikan kepada individu atau kumpulan turut melibatkan kemudahan untuk mengakses kepada sumber yang ada. Kekangan untuk mengakses sumber memberi kesan yang negatif, ini kerana sumber adalah merupakan aset perubahan yang diperlukan untuk menghasilkan kesejahteraan hidup.

Isu Dan Permasalahan Komuniti Nelayan Di Malaysia

Agensi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) merupakan antara agensi yang memainkan peranan utama dalam membantu komuniti nelayan. LKIM telah melaksanakan pelbagai program seperti Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan serta Pembangunan Pemasaran dalam membangunkan komuniti nelayan (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, 2013). Namun pelbagai usaha yang diteliti memerlukan pelbagai pendekatan dalam usaha membangunkan komuniti nelayan. Usaha yang dilaksanakan oleh pihak LKIM merangkumi pelbagai pendekatan, sama ada dalam bentuk atas-bawah (top-down) atau bawah-atas (bottom up). Namun usaha yang telah dilakukan oleh pihak LKIM kurang berkesan dalam membangunkan komuniti nelayan (Wan Zaifurin et al., 2009; Siti Rahmah et al., 2004). Usaha pihak LKIM yang masih menggunakan pendekatan atas-bawah, telah meminggirkan suara ahli komuniti sehingga memberi kesan negatif kepada ahli komuniti seperti komuniti nelayan yang bersifat pasif dalam usaha penyertaan mereka dalam sesuatu program yang telah cuba dibangunkan.

Selain itu, penyertaan ahli komuniti nelayan dalam sesebuah program pembangunan juga adalah disebabkan imbuhan serta-merta yang akan mereka perolehi (Hayrol et al., 2013). Penyertaan ini dikenali sebagai penyertaan yang bermotivasikan pulangan material, dimana mereka menyertai sesebuah program hanyalah sekadar untuk mendapatkan makanan, wang dan insentif tanpa mempedulikan ilmu serta kemahiran yang bersifat jangka panjang yang akan mereka perolehi (Mowforth & Munt, 1998) Penglibatan ini terbukti melalui berlakunya peningkatan statistik nelayan berdaftar di Malaysia yang disebabkan bantuan elaun dan subsidi (Hayrol et al., 2013). Penglibatan sebegini sememangnya sering berlaku dalam kalangan komuniti nelayan menyebabkan mereka kurang berusaha untuk mengubah diri mereka, sehingga menyebabkan timbulnya persoalan berkaitan kemampuan nelayan untuk berdikari sendiri tanpa mengharap bantuan luar.

Isu kemampuan untuk berdikari sendiri merupakan satu elemen yang penting dalam proses pendayaupayaan komuniti nelayan. Contohnya isu yang terjadi kepada persatuan nelayan yang tidak aktif dalam menyalurkan bantuan pembangunan sosioekonomi kepada komuniti nelayan (Siti Rahmah et al., 2004). Persatuan nelayan merupakan satu sistem sokongan yang dilihat hanya sekadar wujud tanpa adanya usaha-usaha ke arah membangunkan komuniti nelayan agar mampu untuk berdikari sendiri. Malah isu berdikari turut berlaku dalam yang isu pemasaran ikan. Komuniti nelayan masih mengharapkan kepada bantuan orang tengah dalam memasarkan hasil laut mereka sehingga menyebabkan sumber pendapatan nelayan tidak menentu (Wan Zaifurin et al., 2009).

Orang tengah seringkali mengambil kesempatan ke atas komuniti nelayan, dimana mereka telah menentukan sendiri harga ikan yang ditangkap oleh ahli nelayan untuk dipasarkan kepada pembeli. Keputusan yang ditentukan oleh orang tengah tersebut, diputuskan tanpa melibatkan komuniti nelayan langsung (Sudarmono et al., 2012). Malah menurut Sudarmono et al., (2012) lagi, situasi ini juga turut berlaku antara awak-awak kapal yang bekerja dengan pemilik kapal nelayan. Pembahagian keuntungan akan dilakukan dengan 50 peratus adalah untuk pemilik kapal dan selebihnya pula diberikan kepada awak-awak kapal. Namun hasil 50 peratus yang diperolehi awak-awak kapal akan dibahagikan pula antara awak-awak yang ada.

Ini menunjukkan komuniti nelayan sememangnya mempunyai permasalahan dalam soal berdikari termasuklah kelemahan persatuan serta memasarkan ikan dengan sendiri tanpa melalui orang tengah. Komuniti nelayan sebenarnya masih terikat dan mengharapkan bantuan pihak lain dalam membaiki taraf sosio-ekonomi mereka.

Pendekatan Kerja Sosial Komuniti Dalam Proses Pendayaupayaan Komuniti Nelayan

Berdasarkan definisi kerja sosial yang telah di kemukakan sebelum ini, dapat difahami bahawa kerja sosial merupakan aktiviti yang profesional dalam membantu individu, kumpulan atau komuniti dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi bagi meningkatkan kefungisian sosial dan seterusnya mencapai matlamat dalam kehidupan mereka. Selain itu, bidang kerja sosial juga merupakan satu bidang profesion yang profesional dan terlatih yang merangkumi ilmu pengetahuan, kemahiran serta nilai dalam kerja sosial.

Proses penyelesaian berkaitan isu dan masalah yang menimpa ke atas komuniti nelayan haruslah diselesaikan secara holistik. Proses penyelesaian pendayaupayaan komuniti haruslah bermula daripada perubahan yang berlaku kepada individu sehinggalah kepada komuniti (mikro, mezzo dan makro). Namun apa yang ingin diketengahkan dalam penulisan ini adalah pendekatan kerja sosial komuniti (makro) bagi membantu komuniti mengalami proses pendayaupayaan komuniti.

Proses kerja komuniti dilakukan adalah untuk merealisasikan pembangunan dan kesejahteraan masyarakat dan juga komuniti. Proses kerja komuniti akan menggunakan beberapa model pendekatan iaitu model pembangunan komuniti (lokality setempat), model perancangan komuniti dan model tindakan sosial yang telah diutarakan oleh Rothman (1982). Namun bagi penulis, model pembangunan komuniti merupakan satu model yang relevan dalam membantu komuniti nelayan dalam proses pendayaupayaan komuniti.

Model pembangunan komuniti merupakan satu pendekatan yang begitu sesuai diamalkan bagi mendayaupayakan komuniti (Abdul Razak et al., 2012). Model ini merupakan satu model yang menekankan kepada proses pendekatan bawah-atas (*bottom-up*). Ia menyasarkan untuk menjadikan komuniti lebih berdikari dengan ahli komuniti turut serta bersama-sama dalam agenda pembangunan komuniti (Azizan et al., 2012). Melalui proses tersebut ia mampu untuk memberi impak yang positif, dimana proses ini akan melibatkan ahli komuniti sendiri dalam proses merancang dan membuat keputusan tanpa campurtangan pihak luar (Haris & Abd Hadi, 2012). Hal ini kerana setiap keputusan yang diputuskan sendiri oleh ahli komuniti akan memberi kesan yang positif kepada ahli komuniti termasuklah dari aspek keyakinan, peranan serta tanggungjawab terhadap komuniti (Azizan, 2013).

Dalam proses kerja sosial komuniti, ahli komuniti akan dilatih untuk terlibat secara aktif dan mampu untuk berdikari tanpa bantuan pihak luar. Pekerja sosial dengan melalui proses kerja komuniti akan membantu komuniti secara tidak langsung dalam membangunkan komuniti yang lebih baik. Proses bekerja dengan komuniti melibatkan

tujuh proses iaitu bermula dengan pembinaan hubungan;, analisis permasalahan;, perancangan;, intervensi/tindakan;, penilaian;, penamatan dan tindakan susulan (Twelvetrees, 1982; Kirst-Ashman & Hull, 2011). Komuniti nelayan sebenarnya mempunyai kemampuan tersendiri, ini kerana mereka sebenarnya mempunyai kemampuan untuk beradaptasi dengan persekitaran dan mahir dalam mengesan habitat serta mengetahui jenis ikan yang ada di laut (Hayrol et al., 2013). Menerusi kemampuan serta kelebihan tersebut, jelas ahli komuniti mampu untuk terlibat dalam setiap peringkat proses kerja komuniti sama ada di peringkat perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pemantauan bagi mendayaupayakan komuniti. Kemampuan serta kelebihan tersebut juga adalah merupakan satu sumber yang sedia ada pada komuniti yang boleh mengubah situasi komuniti nelayan. Melalui penglibatan yang aktif, ianya sendirinya akan membentuk ahli komuniti yang bukan hanya sekadar sebagai “pengguna” kepada pembangunan komuniti tetapi juga berperanan sebagai “pembangun” komuniti secara langsung.

Selain itu, model pembangunan komuniti adalah bersesuaian dalam mendayaupayakan komuniti, yang mana model ini menghormati kepelbagaian yang ada dalam sesebuah komuniti dan menjadikan perbezaan tersebut sebagai satu sumber kekuatan untuk mencapai kualiti hidup komuniti secara keseluruhannya (Ambrosino et al., 2001). Penghormatan terhadap kepelbagaian merupakan satu teras yang begitu penting bagi seorang pekerja sosial komuniti. Dalam proses merancang, melaksanakan, menilai serta memantau, pekerja sosial komuniti akan mengambil kira faktor kepelbagaian agar setiap ahli komuniti dapat merasakan akan kepentingan mereka dalam membangunkan komuniti mereka sendiri. Kepentingan penglibatan ahli komuniti secara bersama adalah penting walaupun mereka mempunyai perbezaan antara satu sama lain. Ianya memerlukan usaha-usaha bersepadu antara ahli komuniti bagi menghasilkan keputusan yang memuaskan melalui keputusan secara demokratik (Ambrosino et al., 2001).

Penglibatan ahli komuniti secara sukarela dapat melatih komuniti tersebut dengan rasa tanggungjawab terhadap segala tindakan, termasuklah dalam mengenalpasti kehendak serta permasalahan yang telah dikenalpasti dan seterusnya merancang secara kolektif (Haris & Abdul Hadi, 2012). Penyertaan ahli komuniti secara aktif tanpa bantuan luar merupakan satu pendekatan bawah-atas, yang merupakan satu tindakan yang terbaik bagi membangunkan komuniti secara berterusan. Penglibatan ahli komuniti mengikut pendekatan bawah-atas akan mewujudkan pendayaupayaan komuniti dengan perubahan yang dinamik (Abdul Rahman, 2007). Ahli komuniti akan bersama-sama membangunkan komuniti melalui proses kerja komuniti yang akan diaplikasikan oleh pekerja sosial komuniti kepada sesebuah komuniti. Menurut Philips dan Pitman (2009), proses pembangunan komuniti adalah merangkumi pembangunan dari segi peningkatan kebolehan serta bertindak secara bersama.

Penglibatan secara aktif dan sukarela oleh ahli komuniti juga secara tidak langsung akan membantu ahli komuniti nelayan untuk mampu berdikari tanpa mengharapkan bantuan daripada pihak lain. Menurut Simmons et al., (2011) dan Jentoft (2005), penyertaan komuniti adalah elemen yang penting dalam membangunkan komuniti mengikut acuan mereka sendiri. Melalui penyertaan, individu berpeluang untuk mengembangkan elemen-elemen diri, seperti kemahiran kepimpinan dan penglibatan dalam organisasi secara kolektif, telus dan demokratik termasuklah dalam menentukan keputusan (Tremblay & Gutberlet, 2010). Ahli komuniti akan menggunakan sumber-sumber yang mereka sedia miliki, seperti potensi, pengalaman, kemahiran, gerakan dan organisasi sukarela dalam mendayaupayakan komuniti (Azizan et al., 2012).

Selain itu, permasalahan seperti isu persatuan nelayan yang tidak aktif dan kebergantungan kepada orang tengah dalam memasarkan hasil tangkapan akan dapat diatasi dengan sebaiknya melalui proses kerja komuniti yang

mereka ikuti. Melalui proses kerja komuniti, pekerja sosial akan melatih nelayan dalam merancang dan membangunkan satu kaedah dalam memasarkan hasil laut mereka melalui sumber-sumber yang mereka ada. Penggunaan modal insan juga merupakan satu sumber yang terdapat dalam komuniti bagi membantu pembangunan komuniti (Azizan, 2013). Modal insan ini terdiri daripada kemahiran, sikap dan semangat serta daya kepimpinan merupakan antara modal insan yang dipunyai dalam komuniti nelayan. Ahli komuniti nelayan akan menggunakan segala modal insan yang mereka ada bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam memasarkan ikan tanpa dieksploitasi oleh orang tengah, yang sering mengambil kesempatan terhadap komuniti nelayan dalam soal pengagihan keuntungan. Ini dapat diperhatikan berkaitan isu pemasaran ikan yang mana jualan secara terus kepada pelanggan tanpa melalui orang tengah sebenarnya mampu meningkatkan sumber pendapatan yang diperolehi oleh nelayan.

Persatuan nelayan adalah merupakan satu sistem sokongan kepada masyarakat yang mempunyai peranan yang penting dalam proses pendayaupayaan komuniti nelayan. Penglibatan seseorang dalam persatuan sebenarnya mendatangkan impak yang positif seperti berpeluang untuk mendapatkan maklumat terbaru melalui proses interaksi (Khairunesa & Mohamed, 2011). Pekerja sosial komuniti akan bertindak secara tidak langsung bersama-sama ahli komuniti dalam membangun kembali persatuan nelayan agar mampu untuk membantu pihak komuniti dalam mencapai pembangunan komuniti. Ahli-ahli komuniti akan membina matlamat dan objektif dan mereka sendiri akan bersama-sama mencapai matlamat yang telah mereka rangkakan terhadap komuniti mereka (Ambrosino et al., 2001). Melalui persatuan, komuniti nelayan akan dididik untuk berdikari bertepatan dengan proses komuniti bawah-atas yang telah diperkatakan keberkesanannya sebelum ini.

Selain itu, melalui persatuan akan lahirnya ahli komuniti yang berkepemimpinan dalam membangunkan komuniti. Persatuan nelayan juga akan menjadi kesinambungan yang berterusan dalam membangunkan komuniti apabila pekerja sosial komuniti meninggalkan komuniti setelah menamatkan proses dalam membangunkan komuniti. Proses penamatan dan meninggalkan komuniti adalah merupakan satu proses yang perlu dalam melaksanakan sesuatu intervensi terhadap komuniti, di mana proses ini ingin memastikan komuniti nelayan benar-benar berdikari dan mampu untuk menyelesaikan permasalahan yang lain.

KESIMPULAN

Kerja sosial komuniti merupakan satu kaedah dalam mempromosikan pembangunan dalam meningkatkan kemampuan komuniti. Komuniti mempunyai potensi kemampuan untuk terlibat secara langsung dan mampu untuk berdikari walaupun tanpa mengharapkan bantuan secara langsung daripada pihak luar. Usaha ini dapat dilakukan menerusi pendekatan yang tepat bagi membangunkan sesebuah komuniti termasuklah dalam pembangunan komuniti nelayan. Komuniti nelayan adalah komuniti yang tradisional yang mempunyai nilai hubungan (keluarga serta kejiiran) yang mempunyai hubungan sosial yang cukup akrab. Perhubungan akrab antara mereka (sistem sosial) perlu digunakan secara maksimum dalam membangunkan komuniti mereka sendiri.

Pekerja sosial komuniti hanyalah sebagai pembangun secara tidak langsung sahaja, dan pembangun komuniti sebenar adalah ahli komuniti itu sendiri yang akan terus-menerus berada dalam komuniti. Melalui kerja sosial, komuniti akan dilatih dan disedarkan kemampuan diri untuk menyelesaikan setiap permasalahan yang wujud dan yang akan bakal wujud pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (2007). *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. (Syarahan Umum dan Ucaputama). Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Razak, A.M., Nur Farhana, M.N., Fatin Hakimah, M.A., Nurzilla Jamaludin & Tuan Muhammad Zukri. T.S. (2012). *Asas-asas amalan kerja sosial*. Sintok, Malaysia: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 189-210.
- Ambrosino, R., Heffernam, J., Shuttlestworth, G., & Ambrosino, R. (2011). *Social Work and Social Welfare: An Introduction*. California, CA: Brooks/Cole Publishing.
- Azizan Bahari. (2005). *Menghayati Kerja Sukarela*. Petaling Jaya, Malaysia: Qarya Sdn. Bhd.
- Azizan Bahari. (2013). *Bekerja dengan Komuniti. Kangar*. Kelantan, Malaysia: Pustaka Qarya.
- Azizi Ahmad. (2019). *Pemeriksaan Profesion Kaunseling*. Majalah Pendidik Januari 2019. Akses dari Pendidik.com.my
- Bryant, L., & Williams, C. (2020). Place and space in social work. *Qualitative Social Work*, 19(3), 321–336.
- Ezarina Zakaria. (2006). Konsep Konflik Sosial: Satu Tinjauan untuk Kurikulum Kerja Sosial. Dlm. Faizah Yunus (Ed.). *Khidmat Sosial Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya
- Farley, O. W., Griffiths, K. A., Skidmore, R. A., & Thackeray, M. G. (2009). *Introduction to social work* (11th Ed.). New York, NY: Pearson.
- Fawcett, S., Abeykoon, P., Arora, M., Dobe, M., Gilliam, L., Liburd, L., & Munodawafa, D. (2010). Constructing an action agenda for community empowerment. *Global Health Promotion*, 17(52), 22-35.
- Hall, R.E. (2022). Asian Stillbirths vis-à-vis Bleaching Cream Toxicity: Colorism as Critical Social Work Explanation. *Asian People Journal*, 5(1), 1-10.
- Haris, A. W., & Abd Hadi, Z. (2012). *Penilaian keperluan dalam pembangunan komuniti*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.
- Hayrol, A. M. S., Bahaman, A. S., Jeffrey. L. D. & Sulaiman, M.Y. (2013). The process of social adaptation towards climate change among Malaysian fishermen. *International Journal of Climate Change Strategies and Management*, 5, 38-53.
- Ismail, D. (1985). Orientasi Perubahan Sosio-Ekonomi Nelayan Terhadap Peralihan Cara Hidup. Kes Kajian: Penempatan Semula Nelayan Kandis, Bachok. Tesis Diploma Lanjutan Perancang Bandar. Institut Teknologi MARA. Shah Alam. (tidak diterbitkan).
- Jentoft, S. (2005). Fisheries co-management as empowerment. *Marine Policy*, 29, 1-7.
- Khairunesa, I., & Mohamed Azrul, S. M. Y. (2011). *Penyertaan belia dalam aktiviti gerakan belia 4B di komuniti Petaling Jaya Selatan, Selangor Darul Ehsan*. Kertas kerja di bentangkan di Persidangan Kebangsaan Sains Sosial UNIMAS 2011: Pembangunan ke Arah Masa Depan yang Mapan. 20-21 April 2011. Universiti Malaysia Sarawak.

- Kirst-Ashman, K. & Hull, G. Jr. (2001). *Generalist Practice with Organizations and Communities*. Belmont: Wadsworth/Thomson Learning.
- Kirst-Ashman, K. & Hull, G. Jr. (2001). *Generalist Practice with Organizations and Communities*. Nashville, TN: Wadsworth/Thomson Learning.
- LKIM. (2013). Pusat pemrosesan hasil laut. Akses dari <https://lkim.gov.my/pusat-pemrosesan-hasil-perikanan/>
- Lyndon, N., Selvadurai, S., Zaimah, R., Mohd Fuad, M.J., Junaidi, A.B., Samila, M.S., Habibah, A., Hamzah, J., Hasnah, A., Richard, M., & Mohd Yusof, H. (2012). Makna penyertaan dalam program pembangunan komuniti: satu tinjauan dari sudut pandangan dunia komuniti Bidayuh luar bandar. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8 (6), 24-31.
- Mohd Yusof, H., Azima, A.M., Zaimah, R., & Suhana, S. (2011). Kesejahteraan sosial masyarakat nelayan: kajian kes di Kampung Sri Bahagia, Mersing, Johor. *Malaysia Journal of Society and Space*, 7, 80-90.
- Mowforth & Munt (1998) dalam Kalsom Kayat dan Nor Ashikin (2006). Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: satu kajian ke atas program homestay di Kedah. *Akademika*, 67, 77-102.
- Norhayati, S. (2011). Mobiliti sosial dalam kalangan komuniti persisir pantai: kajian kes di Kuala Terengganu. *Kajian Malaysia*, 29, 95-123.
- Noviarti, Jamaluddin, M.J. & Abd Rahim, M.N. (2011). Kualiti hidup nelayan di Sumatera Barat: kekangan dan adaptasi. *Sari. International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(1), 245-257.
- O'Connor, N., & Ketola, M. (2018). *Enabling citizens: Powering civil society. Active citizenship supported by a thriving, independent community, voluntary and charity sector*. Dublin, Ireland: The Wheel.
- Peeters, J. (2012). Social work and sustainable development: towards a social-ecological practice model. *Journal of Social Intervention: Theory and Practice*, 21(3), 5-26.
- Philips, R., & Pitman, R. H. (2009). *An Introduction to Community Development*. New York, NY: Routledge.
- Simmons, A., Reynolds, R.C., & Swinburn, B. (2011). Defining community capacity building: is it possible?. *Preventive Medicine*, 52, 193-199.
- Siti Rahmah, A., Durrishah, I., Rozeyta, O., & Siti Aisyah, A.R. (2004). Kajian Ke Atas Pembangunan Sosio Budaya Perkampungan Nelayan Tradisional di Negeri Johor: Endau, Mersing, Pontian Besar dan Tanjung Sedili. Projek Penyelidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sudarmono., Junaenah, S., & Noor Rahamah, A.B. (2012). Dinamik langganan dalam masyarakat nelayan.: artikulasi ragam pengeluaran perikanan berskala kecil di Kelurahan Cambayya, Kota Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 65-75.
- Syed Husin, A. (1979). *Apa Erti Pembangunan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tremblay, C., & Gutberlet, J. (2010). Empowerment through participation: assessing the voice of leaders from recycling cooperatives in Sao Paulo, Brazil. *Community Development Journal*, 47(2), 282-302.
- Twelvetrees, A. (1982). *Community Work: Practical Social Work*. London, United Kingdom: MacMilan.

Wan Mohd Zaifurin, W.N., Ibrahim, M., & Abdul Majid, M.I. (2009). Faktor peramal minat belia untuk menjadi nelayan: satu kajian di mukim Kuala Besut, Terengganu. *Jurnal Teknologi*, 50, 29-52.

Zastrow, C, H. (2010). *The Practice of Social Work: A Comprehensive Worktext*. California, CA: Brooks/Cole Publishing.